

## KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 8 JUN 2023  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 22

**PETRONAS komited bayar dividen RM35 bilion**

# PETRONAS komited bayar dividen RM35 bilion

PETRONAS komited untuk membayar dividen RM35 bilion kepada kerajaan tahun ini, demikian kata Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PETRONAS, Tan Sri-Tengku Muhammad Taufik.

Beliau berkata, syarikat minyak dan gas nasional itu mempunyai keupayaan untuk membayar jumlah dividen berkenaan meskipun harga minyak mentah kini berlegar pada pa-

ras lebih rendah berbanding yang dicatatkan tahun lalu.

"Kami berkedudukan baik. Kami telah memasukkan ke dalam pembayaran berjadual yang sudah dipersetujui," katanya mengulas mengenai komitmen PETRONAS untuk membayar dividen kepada kerajaan tahun ini di tengah-tengah persekitaran mencabar.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada taklimat PETRO-

NAS bersama pengarang media di Kuala Lumpur, pada Selasa.

Hadir sama, Naib Presiden Eksekutif dan Ketua Pegawai Kewangan PETRONAS, Liza Mustapha.

PETRONAS berkata sebarang dividen tambahan akan berdasarkan kemampuan PETRONAS selepas mempertimbang keperluan operasi, komitmen pertumbuhan dan obligasi kewangan.

### Jumlah dividen munasabah

Penganalisis pasaran menyifatkan jumlah dividen RM35 bilion itu adalah munasabah dan PETRONAS mampu membayarnya meskipun harga minyak mentah telah merosot dengan ketara.

Ia bersandarkan kepada aliran tunai operasi PETRONAS yang mantap akan menyokong syarikat minyak dan gas nasional itu untuk berbuat demi-

kian tanpa menjejaskan operasinya.

Syarikat minyak dan gas nasional itu juga mencatatkan keuntungan bersih terbesar dalam sejarah sebanyak RM101.6 bilion bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022.

Dalam tempoh dikaji, syarikat minyak dan gas nasional itu turut mencatatkan pendapatan tertinggi berjumlah RM375.3 bilion.